

Keng Yaik mahu semua pihak lupakan krisis

KUALA LUMPUR 15 Dis.

— Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik, mahu semua pihak melupakan krisis yang berlaku baru-baru ini sebaliknya segera menumpukan khidmat kepada rakyat yang telah memilih dan mengekalkan pemerintahan Barisan Nasional (BN).

Beliau juga mengingatkan ahli-ahli parti supaya mengelak daripada mengeluarkan kenyataan yang boleh mengeruhkan suasana berhubung keputusan kerajaan mengekalkan status quo di Pulau Pinang.

Beliau berkata, memandangkan keputusan telah dibuat, Gerakan dan parti-parti komponen BN perlu segera menyiapkan diri untuk meneruskan khidmat kepada rakyat negeri itu.

“Tidak ada kenyataan patut dibuat untuk mengeruhkan semangat kerjasama di kalangan parti-parti komponen BN.

“Kita perlu bekerjasama untuk memenuhi harapan rakyat Pulau Pinang yang telah pun mengundi BN,” katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon pagi ini mengumumkan barisan Exco negeri itu yang menyaksikan kedua-dua tuntutan MCA untuk mendapatkan tambahan satu kerusi Exco dan kerusi Timbalan Ketua Menteri II, ditolak.

Keng Yaik mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN kerana telah membuat keputusan yang paling tepat.

Bagaimanapun ketika ditanya perasaannya terhadap barisan baru Exco kerajaan negeri, beliau berkata: “Saya tidak gembira atau sedih.”

Bagi pihak Gerakan, Keng Yaik memberitahu, parti itu tidak merasa terpukul atas apa yang berlaku sepanjang dua minggu yang lalu.

Bagaimanapun beliau memberi jaminan yang pihaknya akan cuba memperbaiki “ketegangan hubungan” yang didakwa wujud di antara Gerakan dan MCA.

Keng Yaik turut berharap MCA yang terlebih dahulu menimbulkan isu ketegangan hubungan itu akan mengambil tindakan sewajarnya bagi memulihkan keadaan.